



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
BAHAGIAN OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT

Fire And Rescue Department of Malaysia

Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon: 603-888800971

Faks: 603-8888 9127

Portal Rasmi: www.bomba.gov.my

Emel: operasi@bomba.gov.my



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/OPS: 600-2/11-1(23)

Tarikh : 21 Mac 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YAS Dato'/ YS Dato'/ Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN UNTUK PEMINDAHAN PESAKIT POSITIF ATAU DISYAKI COVID-19

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan untuk Pemindahan Pesakit Positif atau Disyaki COVID-19 untuk rujukan dan tindakan pihak YAS Dato'/ YS Dato'/ Tuan/ Puan selanjutnya.

3. Segala kerjasama YAS Dato'/ YS Dato'/ Tuan/ Puan di dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NOR HISHAM BIN MOHAMMAD)

Pencarah

Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO: QMS 02101



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO: QMS 02101

SENARAI EDARAN

1. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
2. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kuala Lumpur
3. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
4. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
5. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
6. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
7. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Penang
8. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
9. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
10. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
11. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
12. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
13. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
14. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
15. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Wilayah
Persekutuan Putrajaya
16. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Wilayah
Persekutuan Labuan

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. Cawangan Pusat Pengurusan Operasi, Bahagian Operasi Kebombaan dan
Penyelamat Malaysia

GARIS PANDUAN UNTUK PEMINDAHAN PESAKIT POSITIF ATAU DISYAKI COVID-19

1. PENGENALAN

Garis panduan ini adalah bertujuan bagi memberi penerangan dari aspek tatacara pengendalian pemindahan pesakit positif atau disyaki COVID-19 oleh pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

2. BIDANG KUASA JABATAN

- 2.1. Pengurusan pemindahan pesakit positif atau disyaki COVID-19 adalah menjadi tanggungjawab pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 2.2. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) hanya akan terlibat apabila terdapat permohonan daripada pihak KKM.
- 2.3. Permohonan bantuan selain daripada KKM, perlu dirujuk kepada pihak KKM terlebih dahulu.

3. PAKAIAN PERLINDUNGAN

- 3.1. Pakaian perlindungan minimum yang perlu bagi operasi ini adalah seperti berikut:
 - 3.1.1. *Chemical Splash Suit (Level C)*
 - 3.1.2. *Nitrile Glove / Chemical Glove*
 - 3.1.3. *Goggle* atau *Face Shield*
 - 3.1.4. *Disposable Respirator (N95)*
 - 3.1.5. *Shoe Cover/Chemical Boots*
- 3.2. Keutamaan bekalan hendaklah dipohon dari KKM

4. BAHAN NYAHKUMAN

- 4.1. Bahan nyahkuman yang dicadangkan bagi pengurusan pakaian perlindungan diri, peralatan dan kenderaan adalah seperti berikut:
 - 4.1.1. *Chlorox* (1% sodium hypochlorite) atau *disinfectant* (6 % *hydrogen peroxide*) untuk nyahkuman pakaian perlindungan, kasut dan *glove*.
 - 4.1.2. Cecair *disinfectant* atau air dan sabun bagi mencuci kawasan mayat dijumpai.
 - 4.1.3. *Chlorox* atau *disinfectant* untuk mencuci luaran *body bag* mayat.
 - 4.1.4. *Chlorox* bagi nyahkuman peralatan yang digunakan.

5. KAEDAH PEMINDAHAN PESAKIT POSITIF COVID-19

- 5.1. Gunakan pakaian perlindungan seperti pada perkara 3.
- 5.2. Pihak KKM mesti berada dilokasi pemindahan untuk memberi khidmat nasihat.
- 5.3. Tidak menggunakan penghawa dingin semasa pemindahan pesakit.
- 5.4. Elakkan/ kurangkan sentuhan kepada pesakit.

6. PENGURUSAN KESELAMATAN JENTERA EMRS

- 6.1. Bahagian dalam jentera EMRS perlu dibalut dengan *plastic wrap* untuk mengurangkan pendedahan kepada bahaya *biological agents*.
- 6.2. Balutan sediada dikekalkan sehingga 12 jam atau setiap syif pasukan bertugas.
- 6.3. Setiap pertukaran syif balutan hendaklah ditukar dan dimasukkan dalam *bio hazard bag* dan diserahkan kepada KKM untuk tujuan pelupusan.
- 6.4. Bahagian yang perlu dibalut adalah tempat duduk belakang, *stretcher* dan tapak, mana-mana pemegang, loker dan peralatan yang kekal.
- 6.5. Kenderaan yang digunakan perlu di nyahkuman dengan menggunakan bahan seperti *disinfectant / clorox / chlorin tablet* dan dibiarkan selama 5 hingga 30 minit dan kemudian dilap dengan air dan sabun.
- 6.6. Kaedah semburan untuk nyahkuman boleh juga digunakan bagi permukaan dan peralatan.
- 6.7. Permukaan yang dicemari dengan darah atau cecair badan gunakan *Clorox* dan dibiarkan selama 10 minit dan diikuti dengan dicuci dengan air dan sabun.
- 6.8. Jentera EMRS dinyahkuman di lokasi terakhir (*Last Check Point*) sebelum balik ke balai.

7. PENGURUSAN KESELAMATAN BAS JBPM

- 7.1. Bahagian dalam bas seperti pemegang pada pintu masuk adalah dinasihatkan dibalut dengan *plastic wraps* untuk mengurangkan pendedahan kepada bahaya *biological agents*.
- 7.2. Balutan sediada dikekalkan sehingga 12 jam atau setiap syif pasukan bertugas.
- 7.3. Setiap pertukaran syif balutan hendaklah ditukar dan dimasukkan dalam *bio hazard bag* dan diserahkan kepada KKM untuk tujuan pelupusan.

- 7.4. Kenderaan yang digunakan perlu di nyahkuman dengan menggunakan bahan seperti *Disinfectant* / *Clorox* / *Chlorin tablet* dan dibiarkan selama 5 hingga 30 minit dan kemudian dilap dengan air dan sabun.
- 7.5. Kaedah semburan untuk nyahkuman boleh juga digunakan bagi permukaan dan peralatan.
- 7.6. Permukaan yang dicemari dengan darah atau cecair badan gunakan *Clorox* dan dibiarkan selama 10 minit dan diikuti dengan dicuci dengan air dan sabun.


8. NYAHCEMAR PETUGAS

- 8.1. Gunakan pakaian perlindungan seperti pada perkara 3.
- 8.2. Gunapakai prosedur pemakaian pakaian perlindungan (*donning*) yang digunakan oleh Pasukan Khas Hazmat & CBRNe.
- 8.3. Setelah tugas pengurusan mayat selesai, setiap petugas yang telah mengendalikan mayat perlu melalui proses dekontaminasi di koridor dekontaminasi.
- 8.4. Di koridor dekontaminasi, petugas perlu mencuci tapak kasut di dalam bekas yang mempunyai cecair *Clorox*.
- 8.5. Seterusnya sebelum pakaian perlindungan ditanggalkan, petugas akan dibersihkan dengan semburan cecair *Clorox* menggunakan *garden sprayer* oleh anggota dekontaminasi.
- 8.6. Akhir sekali proses *doffing* (menanggalkan pakaian perlindungan) akan dilaksanakan oleh anggota dekontaminasi yang bertugas di koridor dekontaminasi.

Disediakan oleh:

PPjB M.Murugiah
Pakar Rujuk Bahan Berbahaya

Disahkan oleh:


TPjB Nor Hisham bin Mohammad
Pengarah
Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat

25/7/2020